

FIQH MUWATONAH: NEGARA DAN KEWARGANEGARAAN DI BAWAH SULUHAN USUL AQIDAH DAN MAQASID SYARIAH Oleh Dr. Yusuf Al-Qaradawi, Terjemahan Muhammad Ashim Bin Alias. 2017. Ahlamuna Publication: Seri Kembangan Selangor. Hlm. 218. ISBN 978-96714717-1-5.

Definisi kewarganegaraan sangatlah luas dalam perbahasan kerana kewarganegaraan bukanlah sekadar menunjukkan tempat seseorang itu dilahirkan, malah menjadi satu tempat kenangan yang memberikan pengalaman dan pengajaran kehidupan sebagai satu proses kemenjadian insan. Sungguhpun demikian, seorang Muslim yang mencari sebuah negara idaman seharusnya tidak melanggar akidah dan syariah yang diturunkan oleh Allah S.W.T. Justeru buku karangan Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi ini diterjemahkan kepada tiga bab antaranya definisi tanah air dan kewarganegaraan iaitu kalimah *al-Watan* dan *al-Muwatonah*, kewarganegaraan Muslim dan bukan Muslim dalam masyarakat Muslim serta kewarganegaraan Muslim dalam masyarakat bukan Muslim.

Dr Yusuf al-Qaradawi seorang tokoh ulama yang terkenal dalam abad ini. Beliau merupakan seorang pemikir, sarjana dan intelek kontemporari yang tidak asing lagi di dunia Islam. Beliau dilahirkan di desa Shafat al-Turab, Mahallah al-Kubra Negeri Gharbiah, Mesir pada 9 September 1926 bersamaan 1344H. Nama penuhnya ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf al-Qaradawi merupakan nama keluarganya dan nama ini diambil dari sebuah daerah yang bernama al-Qardhah. Beliau berasal dari keluarga yang kuat beragama dan bapanya bekerja sebagai petani manakala keluarga sebelah ibunya pula bekerja sebagai peniaga. Ayahnya meninggal ketika beliau berusia dua tahun.

Pada tahun 1952/1953, beliau telah menamatkan pengajian dalam bidang Usuluddin serta menjadi pelajar terbaik daripada 180 orang mahasiswa. Selepas itu, beliau mengambil pengkhususan di fakulti Bahasa Arab selama dua tahun. Beliau memperoleh ijazah sarjana dan diploma pendidikan dengan pangkat pertama daripada 500 orang mahasiswa. Pada tahun 1957, beliau menyambung pelajaran ke Akademi Kajian Bahasa Arab Tinggi yang dikelolakan oleh Liga Arab sehingga memperoleh diploma Bahasa Arab dan Sastera. Beliau juga turut mendaftarkan diri sebagai pelajar Ph.D dalam bidang fiqh al-Zakat sehingga tesis beliau mendapat pujian daripada Mawdudi dan Muhammad Mubarak.

Buku ini telah diterjemahkan oleh Ustaz Muhammad Ashim bin Alias berkelulusan Sarjana Muda Syariah di Universiti Malaya (2004), kemudian mengambil kelas pengukuhan Bahasa Arab dan al-Quran di Mesir pada tahun 2006-2007. Beliau mempunyai seorang isteri yang berkerjaya sebagai doktor perubatan iaitu Dr. Mayitah Khayat dan hasil perkahwinannya maka Allah mengurniakan dua cahaya mata kepada pasangan ini. Selain daripada buku ini, Ustaz Muhammad Ashim juga menterjemahkan buku bagaimana mengambil manfaat dari Quran karya Dr. Majdi al-Hilali. Ustaz Muhammad Ashim merupakan ahli teras pertubuhan IKRAM Malaysia di samping menyampaikan dakwah dan tarbiah kepada golongan pemuda.

Bahagian pertama buku ini berkisar definisi Negara dan kewarganegaraan dari sudut bahasa iaitu tempat menetap manakala menurut al-Mu'jam al-Wasit kewarganegaraan adalah tempat manusia menetap walaupun mereka tidak dilahirkan di tempat tersebut. Nabi Adam dan isteri baginda telah diturunkan daripada Syurga dan bertebaranlah di muka bumi zuriat keturunan sehingga manusia hidup saling berkelompok sesuai dengan tabiat kemasyarakatan. Oleh yang demikian, wujudlah kampung, bandar dan tanah air kerana keterikatan dan kecintaan manusia kepada suatu tempat sesuai dengan fitrah mereka contohnya Ketika Rasulullah saw dan para sahabat berhijrah ke Madinah, mereka masih mencintai Mekah dan merinduinya sehingga

menyebabkan Bilal telah jatuh sakit kerana kecintaannya kepada Mekah. Ibnu Rumi dalam syairnya pernah berkata:

Tanah watan adalah yang paling dicintai oleh manusia, kerana di situ anak-anak muda mengecapi segala yang dicita-citakan. Saat mereka menggigit tanah watan, mereka mengimbau nostalgia zaman kanak-kanak lalu mereka merindui kenangan tersebut.

Al-Quran mewajibkan orang Mukmin untuk berhijrah meninggalkan tanah air ketika dizalimi, tidak dibenarkan melakukan kefardhuan dan syiar-syar agama sepetimana kaum Quraisy memaksa Rasulullah saw untuk meninggalkan aqidah tauhid namun Rasulullah saw tetap berpegang teguh kepada aqidah dan mengorbankan jiwa dan raga dengan meninggalkan tanah air tercinta dan berhijrah ke Madinah bersama para sahabat. Namun, terdapat juga dalam kalangan manusia yang kurang kecintaannya kepada tanah air sepetimana orang-orang Badwi kerana selalu mengembara dan tidak menetap di suatu tempat tetapi mengambil berat terhadap peristiwa tertentu sepetimana satu syair

Sehari di Khuzwa, sehari di 'Aqiq, dan sehari di 'Uzaib dan sehari di Khulaisa' Al-Quran menggambarkan tanah air manusia atau perkauman dengan perkataan *al-diyar*. Sebarang percubaan untuk mengusir manusia daripada tanah air secara paksa adalah seumpama mencabut kuku daripada daging dan perkara ini adalah satu jenayah yang besar. Di antara hak dan kewajipan rakyat adalah berperang dan mengangkat senjata untuk mengambil kembali tanah air apabila mereka diusir sepetimana firman Allah swt di dalam al-Quran:

Apakah kamu tidak memperhatikan pemuka-pemuka Bani Israil sesudah Nabi Musa, iaitu ketika mereka berkata kepada seorang Nabi mereka: "Angkatlah untuk kami seorang raja supaya kami berperang (di bawah pimpinannya) di jalan Allah". Nabi mereka menjawab: "Mungkin sekali jika kamu nanti diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang". Mereka menjawab: "Mengapa kami tidak mahu berperang di jalan Allah, padahal sesungguhnya kami telah diusir dari anak-anak kami?". Maka tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, mereka pun berpaling, kecuali beberapa sahaja di antara mereka. Dan Allah Maha Mengetahui siapa orang-orang yang zalim. (al-Baqarah: 246)

Seseorang itu pada asalnya tidak boleh memilih tanah air kerana tanah air merupakan satu tempat mereka membesar bersama ibu bapa, namun hakikatnya seseorang itu boleh mengubah tanah air secara sukarela mahupun terpaksa. Sepetimana yang berlaku kepada Saad bin Abi Waqqas ketika sakit tenat sebelum penaklukan Mekah, beliau mengadu takut akan mati di Mekah dan dikebumikan di Mekah sehingga terluput pahala hijrahnya. Namun Rasulullah saw menenangkannya dan memberitahu Allah swt akan memanjangkan umurnya sehingga memberi manfaat kepada orang lain. Justeru, manusia boleh memilih lebih dari satu kewarganegaraan kerana hakikatnya seseorang dilahirkan di suatu tempat sehingga membesar kemudian berhijrah ke tempat yang lain sehingga meninggal di tempat tersebut sepetimana kebanyakan para ulama sepanjang sejarah Islam tetapi persoalannya adakah perkara tersebut diiktiraf oleh undang-undang pada hari ini. Realitinya setiap negara mempunyai undang-undang tersendiri dan perkara ini tertakluk kepada undang-undang kewarganegaraan tempat tersebut contohnya Negara Algeria melarang warganegaranya mengambil kewarganegaraan Perancis.

Bab pertama mengupas mengenai kewarganegaraan Muslim dan bukan Muslim dalam masyarakat Muslim. Islam bermaksud cara hidup (*din*) yang menghubungkan antara aspek ruh dan material kerana menganggap manusia makhluk yang dicipta dari segumpal tanah dan hembusan ruh dari Allah swt. Antara tugas pertama manusia adalah menjadi khalifah dan memakmurkan bumi. Maka inilah asas yang mengaitkan muka bumi dari sudut sempadan geografi dengan sekumpulan manusia yang saling tolong menolong di antara satu sama lain dengan menjaga haknya. Oleh sebab itu, Islam telah menetapkan satu polisi zakat perlu diagihkan di dalam setiap negeri sekiranya terdapat lebihan maka ianya boleh diagihkan kepada negeri berhampiran. Terdapat ulama yang mengehadkan agihan zakat tidak lebih daripada kawasan yang jaraknya sama dengan jarak dibenarkan untuk mengqasarkan solat iaitu sekitar 80km.

Bagi pembaca yang mengkaji sirah Rasulullah saw, tentunya dapat mengetahui bahawa Nabi Muhammad saw mengiktiraf kewarganegaraan penduduk Madinah dalam kalangan Muslimin sama ada kaum Muhajirin dan Ansar, Aus dan Khazraj, dan kaum Yahudi yang berbilang kewarganegaraan sebagaimana yang terdapat dalam Piagam Madinah. Terdapat lima isi penting dalam kandungan Piagam Madinah yang berkait dengan Negara dan kewarganegaraan antaranya istilah ummah yang merujuk kepada aspek aqidah, politik, geografi dan sosial serta menerima hubungan aqidah yang menjangkau sempadan Negara dan hubungan kabilah yang lebih sempit di dalam Negara. Selain itu, piagam ini menerima kepelbagaiannya afiliasi atau kecenderungan warganegaranya sehingga dinamakan Negara Islam kerana piagam tersebut mengikat dan menjadi rujukan kepada warganegaranya selain daripada penggabungan geografi, agama dan keterlibatan aktif dalam berkhidmat untuk mempertahankan negara menjadi bahagian penting daripada unsur-unsur kewarganegaraan bagi Negara Madinah. Perkara yang terakhir adalah saling bantu membantu yang mencakupi penggabungan secara lebih luas termasuklah Muslim yang pada asalnya tidak menggabungkan diri dalam Negara Islam.

Antara peristiwa sirah yang menjadi bukti kewarganegaraan dan hak-hak serta persamaannya merupakan satu perkara yang *syari'i* ialah peristiwa perjanjian damai yang dimeterai oleh Rasulullah saw dengan penganut Kristian Najran. Bagi penduduk Najran dan sesiapa yang di bawah kuasa mereka, maka jaminan keamanan Allah dan perlindungan Muhammad saw atas harta benda, diri, agama, orang yang tiada dalam negara dan berada dalam negara, suku-suku, gereja, dan segala yang ada di bawah kekuasaan mereka sama ada sedikit ataupun banyak. Kesetiaan seorang Muslim kepada umat yang mulia adalah dengan mempertahankan umat dan tidak membenarkan sesiapapun untuk memerangi atau menakluki seinci daripada negaranya seperti Khalifah al-Muktasim yang menyiapkan tentera untuk memerangi Rom kerana hendak menyelamatkan seorang Muslimah yang ditampar di mukanya sehingga Muslimah tersebut meminta bantuan daripada al-Muktasim seperitimana firman Allah dalam al-Quran:

Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat. (al-Hujurat: 10).

Oleh yang demikian, perlu difahami konsep *Dar al-Islam* kerana melibatkan pelaksanaan hukum hakam Islam, menegakkan syiar-syiar Islam, meninggikan kekuasaan Islam serta memerangi musuh Islam walaupun musuh tersebut adalah orang yang paling dekat dan akrab kepada seorang Muslim. Terdapat gambaran di dalam Fiqh Islam mengenai kesatuan umat Islam dan kesatuan Negara Islam seperti yang dinyatakan oleh al-Allamah Ibnu Abidin daripada fiqh Mazhab Hanbali:

Jihad adalah fardu ain apabila musuh menyerang Negara orang Islam. Kefarduan ini adalah ke atas sesiapa yang lebih dekat dengan musuh terlebih dahulu. Namun jika mereka lemah atau bersikap sambil lewa, maka kefarduan itu jatuh ke atas sesiapa yang berdekatan selepas mereka sehingga kesemua peringkat tadi telah dibuat maka yang terakhir kefarduan itu jatuh ke atas seluruh orang Islam di timur dan barat.

Imam Malik menyatakan wajib ke atas Muslim membebaskan Muslim lain yang sudah ditawan walaupun terpaksa membelanjakan seluruh harta mereka. Namun sikap perkauman dan nasionalisme melampau pada hari ini menjadikan orang Islam berfikir tentang Negara sebelum aqidah dan berfikir tentang keturunan sebelum ummah sehingga ada yang mengira orang Islam dari Negara lain adalah orang asing. Dari satu sudut, aliran jahiliah dilihat begitu menonjol dengan seruan perkauman suku keturunan dan nasionalisme yang sempit dan ada yang sanggup mengambil golongan kuffar sebagai pelindung dan sekutu untuk menentang saudara seislamnya. Penjajahan Salib melalui badan kristianisasi, orientalisme dan Yahudi antarabangsa merupakan tangan –tangan ghaib yang menabur benih-benih fitnah perkauman nasionalisme dengan tujuan untuk menghancurkan kesatuan Islam yang dipimpin oleh Khilafah Uthmaniyyah. Selain itu, pembaratan (*westernization*) kebanyakannya adalah usaha daripada orang timur yang terpengaruh dengan orang barat contohnya memporakperandakan aspek politik yang membawa kepada perpecahan dan pembahagian kota-kota sehingga sultan digulingkan dan khilafah dihancurkan dan digantikan dengan sebilangan raja dan pemimpin diktator yang mendapat sokongan rakyat tetapi tidak mendapat penerimaan secara total.

Justeru, idea tentang penggabungan kepada Islam, umat Islam dan Negara Islam yang menonjol pada kurun lalu boleh jadi tidak diterima oleh bukan Islam. Para fuqaha pelbagai mazhab menyatakan bahawa non-Muslim di dalam masyarakat Islam disebut dalam istilah fiqh sebagai *ahl zimmah* yang dikira sebagai penduduk Negara Islam *darul Islam* kerana mereka adalah *ahlu dar* (penduduk Negara) walaupun bukan *ahlul millah* (penganut Islam). Oleh itu, menurut ijtihad Dr. Yusuf al-Qardawi istilah *ahli dar* (penduduk Negara) merupakan kunci kepada permasalahan kewarganegaraan kerana istilah ahli dar bermaksud mereka bukanlah orang asing tetapi mereka adalah penduduk sebuah Negara dan menjadi sekutu daripada kalangan orang-orang Islam. Oleh itu, kemudaratian atau kebimbangan kepada *non-Muslim* adalah prinsip kesamarataan kepada semua. Muslim berbeza daripada *non-Muslim* di dalam bidang-bidang tertentu sedangkan kewarganegaraan menuntut kesamarataan di antara semua warganegara. Justeru itu, amatlah penting untuk memahami konsep idea kesamarataan di antara penduduk Negara Islam di atas prinsip ‘hak mereka hak kami’, ‘tanggungjawab mereka tanggungjawab kami’.

Saidina Umar ra. telah menghapuskan suatu yang penting ketika datang maslahah yang lebih utama iaitu memadam kalimah *jizyah* ketika diminta oleh golongan kaum Arab Kristian Bani Taghib kerana mereka tidak boleh menerima istilah *jizyah*. Justeru mereka menyeru apa yang diambil daripada mereka dinamakan sedekah. Hal ini disebabkan mengambil kira sesuatu perkara dinilai isi dan kandungannya bukanlah semata-mata dinilai dengan nama dan istilah. Isu patriotisme dan kewarganegaraan tidak seharusnya menjadi perselisihan pandangan antara masyarakat Islam dan *non-Muslim*. Namun, hakikatnya perkara ini menjadi sebab utama dan ianya berkait antara nasionalisme, patriotisme dan kewarganegaraan contohnya apabila *wala'*(kesetiaan) dan *intima*(penggabungan) bertentangan, menyamakan nasionalisme dengan sekularisme, sifat nasionalisme yang melampau sehingga menjadikan

pengganti kepada agama dan ketikamana semangat nasionalisme bertukar kepada semangat asabiyah jahiliah.

Buku Fiqh Muwatonah ini juga digarap dengan beberapa pendirian tokoh Islah mengenai kewarganegaraan antaranya Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh dan Abdul Rahman al-Kawakibi. Pengislahan sebenarnya mestilah bermula dengan berdakwah kepada ibu bapa dan keluarga terdekat yang memiliki hak yang lebih nyata. Semua tokoh meyakini Negara besar iaitu *Dar al-Islam* sehingga mereka berjuang untuk membebaskannya daripada kuasa asing, menyatukan dan berusaha mengembalikan semula kemakmuran, kehebatan serta kepimpinannya contohnya al-Kawakibi menerusi buku beliau *Ummul Qura* yang menggambarkan satu muktamar Islam antarabangsa seharusnya diadakan di Mekah al-Mukarramah untuk mengkaji tentang permasalahan seluruh umat Islam dan cadangan penyelesaian kepada permasalahan ini.

Dr. Yusuf Qardawi juga menggariskan dua tokoh utama Islah yang memiliki sudut pandang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu Hassan al-Banna daripada Negara Arab dan Abu Aala al-Maududi daripada benua India. Imam Hassan al-Banna telah membicarakan dalam risalah Dakwatuna mengenai nasionalisme yang diterima dan nasionalisme yang ditolak. Antara nasionalisme yang ditolak adalah nasionalisme kepartian, pecah belah yang membawa kebencian, saling bermusuhan dan memutuskan hubungan manakala nasionalisme yang diterima menurut Hassan al-Banna adalah nasionalisme perasaan dan kasih sayang, nasionalisme kebebasan, nasionalisme dalam memberi khidmat kepada masyarakat, kejayaan dan kegemilangan kerana Islam adalah agama perpaduan dan persamaan. Imam Hassan al-Banna mengajak masyarakat memberi perhatian dan menerima sejarah Mesir purba dan kegemilangan ilmu pengetahuan yang dapat dicapai ketika itu. Namun, menolak unsur-unsur yang berusaha untuk mencorak semula Mesir dengan unsur dan tradisi jahiliah.

Pengarang buku ini menyatakan bahawa beliau tidak menemui penulisan Ustaz Abu Aala al-Maududi yang mesra terhadap nasionalisme dan kewarganegaraan, malah Abu Aala al-Maududi melihat bahawa asal usul perkara ini adalah dari barat dan Eropah dan beliau merasa bimbang perkara ini akan menghilangkan semangat Islam minoriti Muslim dalam kalangan majoriti Hindu. Oleh sebab itu, beliau menyatakan komentar yang tajam terhadap semangat kebangsaan dan nasionalisme dari sudut logik akal dengan mengupas mengenai nasab dan keturunan serta kesatuan dan kebangsaan. *Intima'* seorang manusia terhadap negaranya adalah suatu hakikat fitrah manusia yang benar-benar berlaku. Nasionalisme bukanlah satu masalah kecuali apabila bertentangan dengan agama atau digandingkan dengan sekularisme serta dijadikan pengganti kepada agama kerana berkemungkinan persekitaran di India, golongan Hindu dan penyembah berhala merupakan golongan majoriti terbesar dan menyebabkan Abu Aala al-Maududi bimbang orang-orang Islam akan larut apabila mereka lupa *intima'* agama mereka kerana dipengaruhi dengan persekitaran dan zaman seperti slogan golongan sekular agama milik Allah dan Negara milik semua.

Bab kedua dalam buku Fiqh Muwatonah ini menjelaskan mengenai kewarganegaraan Muslim di dalam masyarakat bukan Muslim (minoriti Muslim). Garapan bab ini dimulakan dengan pendirian Muslimin dalam kalangan masyarakat *non-Muslim*. Sorotan bab ini juga dijawab dengan persoalan mengenai hukum menetap di Negara non-Muslim, hukum menjadi warganegara non-Muslim, hukum bergabung dengan masyarakat non-Muslim sekiranya dibenarkan menetap dan menjadi warganegara. Hukum menetap di Negara bukan Muslim berbeza mengikut keadaan penduduk di Negara tersebut serta pendirian mereka terhadap Islam dan orang Islam. Pertama bagi Negara yang memusuhi golongan beragama secara

umum dan mengambil pendirian memusuhi agama seperti Negara komunis pada zaman kegemilangan mereka. Negara ateisme satu fahaman yang menolak kewujudan tuhan, kenabian dan alam ghaib. Pendirian ini menolak semua jenis agama termasuk agama Islam. Justeru, Muslim yang menjadi penduduk Negara ini mestilah sabar, saling berpesan dan mengukuhkan hubungan sesama mereka dengan berpegang teguh kepada agama atas kekuatan dan kemampuan dan mengambil hukum darurat dalam perkara yang di luar kemampuan dan kuasa mereka.

Kedua, terdapat Negara-negara yang menujuari isu kebebasan beragama, kebebasan politik, kebebasan sivil, kebebasan berfikir dan sebagainya. Negara ini tidak masuk campur dalam urusan agama individu, bahkan mereka membiarkan setiap orang memilih sendiri agamanya kerana mereka mengamalkan demokratik liberal. Dr. Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa sekiranya seorang Muslim tersebut melakukan penghijrahan sesuai dengan syarak untuk bekerja dan menyara hidup kerana peluang pekerjaan yang amat sedikit di negaranya, maka tidak ada keburukan penghijrahan seorang Muslim ke Negara Eropah yang majoritinya penduduk beragama Kristian. Perancis, Jerman dan Britain telah menerima jutaan tenaga buruh untuk berkerja dalam pelbagai bidang kehidupan di Negara Afrika Timur. Seorang penyair berkata:

Langit bumi Allah ini luas terbentang, dan rezeki Allah di dunia ini juga luas terbentang, Katakan kepada mereka yang berpeluk tubuh dengan penuh kehinaan, kembaralah! Jika bumi ini sempit bagimu.

Namun, sekiranya Muslim tersebut merasakan terdapat sesuatu yang bahaya kepada agama di tempat tersebut, maka Dr. Yusuf al-Qaradawi menyarankan untuk melakukan persiapan pulang ke tanah air. Seorang sahabat bernama Rib'i bin Amir telah berkata kepada Rustam, panglima perang Parsi, Sesungguhnya Allah mengutus kami untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah Allah, daripada kesempitan dunia kepada keluasan akhirat dan daripada kezaliman agama kepada keadilan Islam.

Cetusan seterusnya dalam buku ini menceritakan mengenai dalil-dalil seorang Muslim yang menetap di bawah kekuasaan Negara *non-Muslim* iaitu peristiwa para sahabat menetap di Habsyah selepas tertegaknya Negara Islam di Madinah bawah kepimpinan Rasulullah saw. Sebahagian daripada mereka terus menetap di Habsyah selama beberapa tahun seperti Jaafar bin Abu Talib yang tidak pulang ke Madinah selepas tahun ketujuh hijrah ketika hampir berlaku perperangan Khaibar. Habsyah ketika itu diperintah oleh raja Kristian namun dalam Islam terdapat hukum pengecualian terhadap perkara-perkara yang darurat. Begitulah keadaan kaum Muslimin Mekah ketika di bawah pemerintahan kaum Quraisy. Namun, terdapat sebilangan kaum Muslimin yang bersikap melampau telah menimbulkan syubhah sekitar isu Muslim tinggal di Negara bukan Islam antaranya mereka memetik hadis

Sesiapa yang berkumpul dan tinggal bersama orang-orang musyrik, maka mereka adalah dari kalangannya.

Maksud bergabung dengan musyrikin adalah berkumpul dan menyertai mereka pada suatu tempat seolah-olah seperti memberi kesetiaan kepada golongan musyrik. Hadis tersebut adalah hadis *dhaif* yang telah diriwayatkan oleh Abu Daud dalam bab jihad (2787) daripada Samurah bin Jundub melalui jalan Jaafar bin Saad daripada Khubayb bin Sulaiman bin Samurah daripada ayahnya daripada Samurah dan ini merupakan isnad yang *dhaif* secara *ijmak*. Allah berfirman dalam al-Quran:

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin-pemimpin(mu); sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barang siapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim (al-Maidah: 51).

Sabda Rasulullah saw.

Aku berlepas diri daripada setiap Muslim yang tinggal bersama-sama dengan orang musyrikin, para sahabat berkata: ‘Kenapa wahai Rasulullah? baginda bersabda, Aku tidak melihat api mereka’. (Riwayat Abu Daud dalam bab Jihad (2645)

Melalui hadis ini terdapat pendapat mufti yang mengatakan haram tinggal di Negara bukan Islam dan pendapat ini telah menyempitkan golongan Muslim yang tinggal di Eropah dan negara lain setelah mengambil kira pelbagai keperluan seperti belajar, perubatan, perniagaan, melancong serta mengelak dari ancaman-ancaman dan berdakwah kepada golongan yang baru memeluk Islam. Hakikatnya dunia ini telah menjadi kampung yang kecil jika diukur dari sudut material. Hadis di atas yang menjadi dalil golongan ini merupakan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan at-Tirmizi daripada Jarir bin Abdullah, sanadnya adalah *mursal* iaitu tidak menyebut nama sahabat dan mereka menyebut hadis ini sebagai hadis *mursal*. An-Nasaie dan at-Tirmizi meriwayatkan hadis ini adalah hadis *mursal*. Imam Bukhari berpendapat hadis ini adalah hadis *sahih mursal*. Namun, berhujah dengan hadis yang *mursal* merupakan satu perkara khilaf yang masyhurdi dalam ilmu usul. Kebanyakan ahli mengira hadis *mursal* adalah hadis *dhoif*.

Rasulullah saw pernah mengutuskan satu sariyyah ke Khas'am lalu penduduknya sujud untuk menyelamatkan diri tetapi sariyyah tersebut bertindak terburu-buru membunuh mereka. Lalu Rasulullah saw memerintahkan agar sariyyah tersebut membayar separuh *diyat*(denda)kerana mereka tidak tinggal berdekatan yang membolehkan untuk melihat cahaya antara satu dengan yang lain. Ayat ini adalah kiasan yang menunjukkan jauhnya jarak di antara dua tempat. Sesuatu hukum itu adalah mengikut *illah* (sebab), sama ada ianya wajib ataupun tidak. Apabila diperhatikan matan hadis-hadis tadi, maka telah jelas berkenaan dengan tiga perkara iaitu pertama, hadis ini berbicara tentang golongan musyrikin dan memisahkan diri dari mereka. Sebagaimana yang disebut, maksud golongan musyrikin adalah orang yang menyembah berhala. Tetapi yang dimaksudkan di dalam buku ini adalah ahli Kitab khususnya pengikut agama Kristian. Kedua, lafaz golongan musyrikin yang diungkap ketika itu bermaksud golongan musyrikin yang diperangi. Mengiklankan permusuhan terhadap Islam dan menyekat jalan dan menghunus pedang untuk melawan dakwah Islam. Mereka menyakiti orang Mukmin dan mengeluarkan orang Islam dari rumahnya sehingga orang Islam kembali kepada agama asal mereka. Kaum Muslimin dilarang untuk berhubung dan mengikat kesetiaan kepada golongan seperti ini. Hal ini berbeza kepada golongan Muslimin yang berdamai dan tidak memerangi orang Islam dan tidak mengeluarkan mereka dari rumah.

Ketiga, kita mesti menetapkan maksud sabda Rasulullah saw berkenaan memisahkan diri daripada orang musyrik yang dinyatakan dalam hadis adakah dari sudut fizikal atau maknawi. Sekiranya erti pemisahan itu dari sudut fizikal maka maksudnya adalah berpindah dari Negara syirik kepada Negara Islam. Pengertian kedua pula iaitu pemisahan secara maknawi

dengan menolak akidah, kefahaman dan tingkah laku yang telah dirosakkan oleh penyembahan berhala dan dipengaruhi oleh jahiliah. Pengertian ini dikuatkan dengan hadis yang menggunakan lafaz ‘membebaskan diri dari orang kafir’ bukanlah bermaksud tidak menetap bersama mereka tetapi tidak beriman dengan keyakinan yang meyakini wujudnya satu tuhan atau mengingkari hari akhirat atau menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal sepetimana dakwah Nabi Muhammad kepada para Kaisar dan pemimpin Kristian dalam kalangan ahli kitab.

Katakanlah: "Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah". Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)" (al-Imran 64)

Islam membenarkan Muslim menetap di Negara bukan Muslim adalah bagi mencapai beberapa tujuan antaranya adalah Islam mewajibkan Muslim berdakwah ke seluruh alam untuk merealisasikan tujuan pengutusan Nabi Muhammad saw. Misi ini memerlukan para pendakwah untuk menetap di Negara orang yang baru memeluk Islam untuk mengajar dan mengukuhkan keimanan contohnya Negara Islam seperti Indonesia dan Malaysia di mana Islam masuk ke Negara tersebut melalui para pedagang Muslim yang datang dari Hadramaut dan sekitarnya. Masyarakat tertarik dengan amalan dan mencintai agama mereka seterusnya memeluk Islam. Pedagang Muslim ini menetap dan membina hubungan secara pernikahan sehingga menjadi sebahagian penduduk. Malah zuriat keturunan mereka bertebaran di Negara ini dan menjadi warganegara.

Sebahagian ulama telah berbahas mengenai syubhah mengenai hukum menetap di Negara Eropah. Dr. Yusuf al-Qaradwi telah menjawab syubhah tersebut dan menolaknya dengan dalil syarak dan menerangkan bahawa menetap di Negara Eropah tidak salah dari sudut syarak bahkan hukumnya harus atau wajib tergantung kepada tujuan atau keperluan. Antara tokoh yang bersikap keras dalam isu menjadi warganegara Negara bukan Islam adalah Imam Hassan al-Banna dengan fatwanya yang menyebutkan Muslim menjadi warganegara lain yang bukan Islam, ia merupakan salah satu dosa besar. Wajib ke atas mereka kemurkaan Allah dan balasan yang keras dengan dalil surah al-Imran ayat 28 kerana setelah menjadi warganegara akan diikuti pula dengan kewajipan dan hak yang membatalkan kesetiaan kaum Muslimin dan membawa seorang Muslim berada dalam barisan orang kafir dalam memerangi saudara Muslim. Oleh itu, lebih baik bagi seorang Muslim untuk meninggalkan Negara tersebut. Untuk bersikap sederhana, maka posisi fatwa al-Banna dan mereka yang bersetuju dengannya adalah sesuai dengan zaman, persekitaran ketika itu dan peredaran semasa kerana sebahagian Negara menjajah umat Islam secara zalm.

Terdapat banyak kajian Islami tentang penggabungan minoriti Muslim di Barat dan penerimaan konsep kewarganegaraan yang membolehkan Muslim hidup bersama penduduk Negara itu dan mendapat hak selaku warganegara sebagaimana yang diperoleh oleh orang lain dengan mudah tanpa sekatan. Dr. Yusuf al-Qaradawi mendapati halangan dalam penggabungan dan konsep kewarganegaraan ini ialah para Muslim sendiri. Mereka tidak mudah menerima konsep penggabungan dengan orang lain selain dari mereka khususnya generasi awal imigran. Generasi ini tetap terikat dengan Negara pertama dan tidak menggabungkan diri dengan Negara kedua disebabkan mewarisi pemikiran turun temurun

atau kefahaman salah yang dianggap sebagai ajaran Islam yang sebenar. Majlis fatwa dan kajian Eropah sejak ditubuhkan telah menerbitkan pekeliling yang menyeru orang Islam supaya berinteraksi dan bergabung dengan penduduk Negara di mana mereka tinggal dan tidak mengasingkan diri. Begitu juga dengan keterlibatan secara aktif dan bekerjasama dalam semua perkara yang boleh memajukan dan membangunkan Negara. Dalam masa yang sama, Muslim juga wajib menjaga aqidah, syiar, adab, akhlak, nilai ikutan dan kewajipan agama mereka. Dengan ini lahirlah keseimbangan dalam masyarakat dengan istilah ‘istiqamah tanpa menutup diri, bergabung namun tidak mencair’.

Justeru, Dr. Yusuf al-Qaradawi meyakini bahawa pada akhirnya yang akan menerajui semua ini adalah nilai kemanusiaan dan sunnah alam yang fokusnya kepada tidak memisah dan membezakan sesama manusia tetapi menyatukan sesama mereka serta kekal dalam kebaikan. Orang-orang Islam telah pun menjadi sebahagian daripada realiti semasa masyarakat Eropah. Sedikit masa lagi, ada yang menjadi ahli parlimen, dan ada yang berada dalam *House of Parliament* dan *House of Lords Britain*. Maka tiada faedah untuk menolak kewujudan orang Islam di Negara Eropah dan Amerika lebih-lebih lagi apabila sebahagian Muslim diiktiraf sebagai penduduk asal dan bukan lagi sebagai imigran. Sesuatu yang baik apabila kepelbagaian ini akan terus berlaku sepertimana yang disebutkan dalam al-Quran *ikhtilaf al-Alwan* (perbezaan warna). Dengan ini akan berlaku silang kebudayaan, interaksi antara peradaban, saling mengambil dan memberi manfaat kepada semua serta merasa cukup dengan perasaan kebersamaan atas dasar kemanusiaan.

Melalui garapan yang kemas dengan hujah dan dalil yang jelas di dalam buku Fiqh Muwatonah ini maka dapatlah disimpulkan bahawa buku ini sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat untuk lebih memahami secara jelas mengenai Negara dan kewarganegaraan. Padangan dan hujah daripada Dr. Yusuf al-Qaradawi sebenarnya membuka mata banyak pihak mengenai Islam sebagai cara hidup. Islam itu mencakupi semua dari aspek politik, ekonomi, kenegaraan, sosial bahkan yang paling penting dari sudut aqidah, adab dan akhlaknya. Buku ini juga turut membawa masyarakat kepada isu semasa mengenai fasa sementara selepas peristiwa 11 September 2001, isu hijab di Perancis dan Pendirian Majlis Fatwa Eropah. Ustaz Muhammad Ashim telah berjaya menterjemah buku ini untuk memberikan kefahaman kepada warganegara Malaysia khususnya dan kepada masyarakat Islam amnya supaya masyarakat tidak bersikap skeptikal kepada isu kewarganegaraan. Selain itu, buku ini menghubungkan perkara *furu'* (cabang) dengan perkara *usul* (pokok) dan perkara *zahir* dengan *maqasidnya* dan menghimpunkan kefahaman terhadap nas (*fiqh al-nas*) dengan kefahaman terhadap realiti semasa (*fiqh al-waqi*)'. Semoga hasil penulisan Dr. Yusuf al-Qaradwi dan hasil terjemahan Ustaz Muhammad Ashim mendapat perhatian penuh daripada masyarakat awam supaya mereka dapat memhami konteks Negara dan kewarganegaraan secara luas dan mendalam berdasarkan tiga isu utama di dalam buku ini.

Suhaila Binti Sharil

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)